

# Makmal khas di Hutan Simpan Ayer Hitam

**S**ERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menubuhkan makmal khas di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong dalam usaha membantu projek penyelidikan flora dan fauna.

Dekan Fakulti Perhutanan, Prof Madya Dr Awang Noor Abd Ghani, berkata makmal berkenaan ditubuhkan Fakulti Perhutanan dan dijangka

siap pada 2011 menelan belanja RM18 juta.

“Makmal itu akan digunakan pelajar dan pensyarah bagi mengumpul maklumat mengenai spesies yang belum pernah ditemui dan berkemungkinan terdapat di hutan simpan itu,” katanya.

Menurutnya, makmal itu pelan jangka masa panjang fakulti dalam usaha memulihara tumbuhan dan hi-

dupan liar di hutan simpan itu.

Lokasi hutan simpan yang terletak lebih kurang 20 kilometer daripada UPM itu adalah kawasan penyelidikan, pengajaran dan pengembangan perhutanan yang dianugerahkan kepada UPM secara perjanjian dalam tempoh 80 tahun oleh kerajaan Selangor sejak 1996.

HAKIAN METRO 23 APR 09.